

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO**
[KLANG]

TARIKH : **26 MAC 2018**

SOALAN : **Tuan Charles Anthony Santiago**
[Klang] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan peranan Kerajaan dan ASEAN dalam misi pengaman isu Rohingya yang sedang dijalankan oleh Myanmar dan Bangladesh untuk menempatkan semula masyarakat Rohingya. Adakah Kerajaan merancang untuk memantau proses ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada YB Klang kerana mengemukakan soalan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, krisis yang melanda Wilayah Rakhine dan etnik Rohingya merupakan sebuah krisis dalaman di Myanmar yang mempunyai kesan-kesan limpahan yang menjangkau di peringkat serantau.

3. Mengikut data terkini daripada PBB, anggaran jumlah penduduk Wilayah Rakhine yang telah membanjiri Bangladesh sejak tercetusnya insiden pada 25 Ogos 2018 kini mencecah 688,000¹. Statistik pelarian yang semakin meningkat menjadikan jumlah pelarian Rohingya di Bangladesh berada dalam lingkungan satu juta orang.

4. Malaysia khawatir bahawa sekiranya krisis ini tidak dapat diselesaikan dengan segera, lebih ramai lagi penduduk Wilayah Rakhine akan menjadi pelarian ke negara-negara jiran termasuk Malaysia.

5. Kita semua maklum bahawa isu etnik Rohingya ini adalah rumit untuk diselesaikan dalam masa yang singkat. Ianya melibatkan

¹ Statistik diperoleh daripada United Nations Office for Humanitarian Affairs (UNOCHA), terkini pada 27 Januari 2018

sentimen-sentimen wasangka yang telah lama tertanam di dalam masyarakat pelbagai etnik di Myanmar.

6. Dalam hal ini, walaupun Malaysia menghormati kedaulatan Myanmar, Kerajaan sentiasa memastikan bahawa Kerajaan Myanmar mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk menangani krisis ini dan menghentikan semua kezaliman, keganasan ke atas wanita dan kanak-kanak, serta pencabulan hak asasi manusia yang berlaku di Wilayah Rakhine.

7. Kerajaan Malaysia juga amat memahami sentimen rakyat Malaysia yang secara amnya marah akan kekejaman dan penindasan yang berlaku ke atas etnik Rohingya. Kerajaan serta pucuk pimpinan Negara sentiasa mengutarakan isu ini di setiap mesyuarat, rundingan atau interaksi dengan masyarakat antarabangsa di platform-platform yang bersesuaian demi mendapatkan sokongan secara politik dan kerjasama oleh masyarakat antarabangsa untuk meringankan keperitan hidup etnik Rohingya serta beban yang ditanggung oleh Bangladesh sebagai negara hos kepada lebih 1 juta pelarian Rohingya.

8. Justeru, Malaysia telah mengutarakan beberapa tuntutan kepada pihak Myanmar, termasuklah:

- a. Agar pihak yang bertanggung jawab menghentikan operasi ketenteraan di Wilayah Rakhine dengan segera;
- b. Agar Kerajaan Myanmar melaksanakan saranan-saranan yang dibentangkan oleh (dengan izin) *Advisory Commission*

on *Rakhine State* yang dipengerusikan oleh Dr. Kofi Annan mengikut garis masa dan perancangan kerja yang telus;

- c. Agar Kerajaan Myanmar membenarkan, tanpa halangan, usaha-usaha masyarakat antarabangsa untuk menghulurkan bantuan kemanusiaan kepada penduduk Wilayah Rakhine yang terkesan;
- d. Agar Kerajaan Myanmar memastikan keupayaan pelarian Rohingya ke Myanmar dengan selamat dan dengan memastikan keselamatan setiap individu Rohingya. Dalam hal ini, Malaysia mengalu-alukan perjanjian yang dicapai oleh Kerajaan Myanmar dan Kerajaan Bangladesh berkenaan pelaksanaan penghantaran balik pelarian (*repatriation*) Rohingya dan menggalakkan kerjasama yang erat di antara kedua-dua negara dalam merealisasikan perjanjian tersebut. Malaysia juga berharap agar penghantaran pulang (*repatriation*) dapat dilaksanakan dalam masa terdekat ; dan
- e. Agar Kerajaan Myanmar menangani isu ini dengan adil dan saksama, mengikut lunas-lunas undang-undang antarabangsa dan prinsip-prinsip antarabangsa yang terpakai. Kerajaan Myanmar juga diminta untuk menghormati dan melindungi hak asasi mereka yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua,

9. Ingin saya maklumkan di sini juga beberapa usaha-usaha mutakhir yang telah diambil oleh Kerajaan untuk membantu etnik Rohingya.

Desakan Politik

10. Saya bersyukur kerana usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri, YB Menteri Luar Negeri, serta keseluruhan keanggotaan kerajaan untuk menarik perhatian masyarakat antarabangsa kepada isu penindasan etnik Rohingya telah membuahkan hasil.

11. Malaysia percaya bahawa perhatian dan sokongan masyarakat antarabangsa, terutamanya kuasa-kuasa besar adalah penting untuk menghentikan krisis ini daripada menjadi lebih rumit serta satu penyelesaian yang mapan dapat dicapai.

12. Bagi mendapatkan sokongan tersebut, YAB Perdana Menteri telah membawa isu etnik Rohingya semasa perbincangan beliau dengan Presiden Amerika Syarikat, Donald Trump, dan Perdana Menteri Britain, Theresa May, semasa pertemuan dengan mereka di Washington D.C. dan London masing-masing pada bulan September 2017 yang lalu.

13. Sejurus selepas pertemuan YAB Perdana Menteri dengan Presiden Trump, pihak Amerika Syarikat mengumumkan bahawa sejumlah USD32 juta akan disalurkan untuk bantuan kemanusiaan pelarian Rohingya. Amerika Syarikat juga telah terus memberikan perhatian kepada isu ini, di mana Setiausaha Negara tersebut, Rex Tillerson, telah mengadakan pertemuan dengan pihak Myanmar pada 15 November 2017 untuk membincangkan situasi di wilayah Rakhine. Setiausaha Negara Amerika Syarikat pada 22 November 2017 telah mengemukakan kenyataan yang menganggap tindakan tentera

Myanmar di wilayah Rakhine sebagai pembersihan etnik (*ethnic cleansing*).

14. Di bawah kerangka ASEAN, Malaysia telah berusaha untuk mendapatkan kata sepakat untuk menzahirkan keprihatinan serantau kepada isu ini. Malaysia merupakan negara pertama yang membawa isu wilayah Rakhine untuk dibincangkan antara negara-negara ahli ASEAN.

15. Walau bagaimanapun, Dewan yang mulia ini sedia maklum bahawa negara-negara ahli ASEAN tidak sebulat suara berhubung isu krisis kemanusiaan melibatkan etnik Rohingya. Sebahagian daripada negara ahli ASEAN berpandangan bahawa Kerajaan Myanmar perlu diberi masa dan ruang untuk memulihkan keadaan di Wilayah Rakhine. Sebaliknya, Malaysia berpandangan bahawa Kerajaan Myanmar perlu digesa untuk lebih telus dan saksama dalam usaha-usaha mengembalikan keharmonian di Wilayah Rakhine.

16. Dalam hal ini, Malaysia telah menzahirkan kekecewaannya ke atas pendekatan berkecuali oleh ASEAN. Walaupun begitu, Malaysia tetap komited kepada ASEAN, terutamanya dalam usaha-usaha menyalurkan bantuan kemanusiaan kepada mereka yang terkesan. Menerusi *ASEAN Coordinating Centre for Humanitarian Assistance on Disaster Management (AHA Centre)* yang berpangkalan di Subang, Malaysia, ASEAN telah menyalurkan sebanyak 40 tan bantuan kemanusiaan yang telah tiba di Yangon, Myanmar pada 13 Oktober 2017 yang lalu. Baru-baru ini pada bulan Februari 2018, Malaysia telah menghulurkan bantuan tambahan kepada Myanmar sebanyak USD 100,000 menerusi AHA Centre untuk memperoleh peralatan-peralatan

11 3
dan keperluan pelarian Rohingya yang akan pulang ke Wilayah Rakhine.

17. Di peringkat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pula, usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Malaysia dan negara-negara sependapat berhubung isu etnik Rohingya ini telah berjaya menarik perhatian masyarakat dunia. Setiausaha Agung PBB, Antonio Guterres, telah mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang mengecam kekejaman dan tindakan ketenteraan Myanmar ke atas etnik Rohingya dan memanggil Kerajaan Myanmar untuk membenarkan kepulangan semula pelarian etnik Rohingya ke tempat asal mereka.

18. Pada 6 November 2017, satu Kenyataan Pengerusi Majlis Keselamatan PBB berkenaan isu di wilayah Rakhine telah dikeluarkan. Perbincangan isu ini di peringkat Majlis Keselamatan PBB membuktikan usaha sama Malaysia dan negara-negara prihatin yang lain untuk mendesak Myanmar dianggap berjaya.

19. Dalam masa yang sama, menerusi OIC, Malaysia turut membawa isu ini ke persada antarabangsa. Sejak Malaysia mengadakan Sesi Tergempar di Peringkat Menteri-Menteri Luar OIC mengenai Situasi Minoriti Islam Rohingya di Myanmar pada 19 Januari 2017, negara-negara OIC telah melaksanakan pelbagai usaha demi memartabatkan hak-hak etnik Rohingya di Myanmar.

20. Contohnya, pada 16 November 2017, OIC telah berjaya membawa isu ini menerusi satu resolusi Perhimpunan Agung PBB ke-72. Resolusi berkenaan "Situasi hak asasi manusia di Myanmar" itu diterima pakai (*adopted*) setelah mendapat sokongan majoriti sebanyak 135 negara.

21. Pada 24 Disember 2017 pula, OIC berjaya sekali lagi untuk mendapatkan sokongan masyarakat antarabangsa menerusi resolusi Perhimpunan Agung PBB, Resolusi 72/248 berkenaan Situasi Hak Asasi Manusia di Myanmar. Sokongan padu 122 buah negara, berbanding 10 tidak bersetuju dan 24 berkecuali membuktikan kesepakatan masyarakat antarabangsa dalam mengetengahkan isu ini.

22. Seterusnya, Malaysia akan bekerjasama dengan negara-negara OIC yang lain untuk membawa isu etnik Rohingya kepada perhatian Mesyuarat Majlis Menteri-Menteri Luar OIC, serta mesyuarat-mesyuarat Kumpulan Perhubungan OIC Mengenai Minoriti Islam Rohingya.

23. Malaysia akan membangkitkan isu-isu berkaitan keselamatan dan hak-hak etnik Rohingya yang perlu diberi perhatian khusus oleh Kerajaan Myanmar, terutamanya berkaitan dengan proses penghantaran pulang pelarian etnik Rohingya ke Myanmar.

Bantuan Kemanusiaan

24. Dari aspek bantuan kemanusiaan, memandangkan tragedi ini telah mengakibatkan ramai antara etnik Rohingya kini menjadi pelarian di Bangladesh, Malaysia lebih menumpukan penyaluran bantuan kepada komuniti pelarian di Bangladesh.

25. Di peringkat dua hala, Malaysia merupakan negara pertama yang mengoperasikan hospital medan untuk membantu pelarian etnik Rohingya di kem-kem pelarian di Bangladesh untuk mendapatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan. Hospital medan ini telah beroperasi sepenuhnya sejak 1 Disember 2017 dan baru-baru ini, Kerajaan telah

bersetuju untuk menyambung operasi hospital medan tersebut sehingga bulan Disember 2018.

26. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Hospital medan tersebut mendapat sambutan yang amat baik daripada komuniti pelarian Rohingya di Bangladesh serta penduduk setempat di Cox's Bazar. Bagi memperkasakan operasi hospital medan tersebut, Malaysia turut menjalinkan kerjasama dengan negara-negara seperti Emiriah Arab Bersatu dan Arab Saudi.

27. Melihat kepada tuntutan kemanusiaan yang mendesak di kem-kem pelarian di Bangladesh, Malaysia telah bertindak menghantar bantuan kemanusiaan bagi membantu meringankan penderitaan etnik Rohingya. Malaysia telah menghantar misi bantuan kemanusiaan di bawah penyelarasan Kerajaan pada 9 September 2017, 7 Oktober 2017, 22 Oktober 2017, dan yang terbaru pada 27 Januari 2018 untuk kegunaan pelarian etnik Rohingya di Bangladesh.

28. Malaysia juga dalam perancangan untuk menempatkan Atase Kemanusiaan/Kebajikan di Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Dhaka, Bangladesh. Atase ini berperanan sebagai *focal point* dan pengantara dengan Kerajaan Bangladesh dalam membantu urusan kemasukan bantuan kemanusiaan dari Malaysia untuk pelarian Rohingya di Bangladesh. Atase Kemanusiaan/Kebajikan ini juga berperanan untuk menilai keperluan dan permasalahan yang dihadapi di Kem-kem pelarian Rohingya di Cox Bazar, agar hanya bantuan kemanusiaan yang bersesuaian diberikan.

Tuan Yang di-Pertua,

29. Sebagai penutup, ingin saya gariskan di sini bahawa Kerajaan harus memastikan tindakan-tindakan yang ambil oleh Malaysia tidak membataskan pilihan-pilihan yang mungkin dapat membantu mencari jalan penyelesaian yang mapan kepada isu ini.

30. Malaysia telah menyambut baik saranan-saranan yang telah dikemukakan oleh (dengan izin) *Advisory Commission on Rakhine State* yang dipengerusikan oleh Kofi Annan dan terus mendesak Kerajaan Myanmar untuk mengambil serius komitmennya untuk melaksanakan cadangan-cadangan tersebut. Malaysia juga mengalu-alukan laporan kemajuan yang telah dikemukakan oleh Jawatankuasa Pelaksana Myanmar dan menekankan keperluan untuk Kerajaan Myanmar menyelesaikan isu status kewarganegaraan etnik Rohingya sebagai perkara paling utama yang akan membawa kepada penyelesaian krisis ini.

Sekian, terima kasih.